

KENYATAAN MEDIA**SWM ENVIRONMENT TUMPU 87 LOKASI “HOTSPOT” ELAK LAMBAKAN SAMPAH
SEPANJANG AIDILFITRI**

MELAKA, 27 APRIL 2022 – SWM Environment Sdn. Bhd. (SWM Environment) menerusi rangka kerja Pelan Strategi Operasi Hari Raya Aidilfitri akan memberikan tumpuan khas operasi di 87 lokasi *hotspot* tong sampah berpusat di negeri ini bagi mengelakkan longgokan sampah yang tidak terkawal sempena sambutan Hari Raya Aidilfitri.

Pengurus Besar Korporat SWM Environment, Mohd Norlisam Mohd Nordin berkata, lokasi-lokasi tersebut telah dikenal pasti di kawasan berkepadatan penduduk beragama Islam yang tinggi serta kawasan tumpuan pelancong iaitu di 49 lokasi di Melaka Tengah, 17 lokasi di Alor Gajah dan 21 lokasi di Jasin.

“Telah menjadi kebiasaan, tong sampah berpusat sentiasa menjadi tumpuan untuk pembuangan sampah oleh orang awam termasuk peniaga kecil dan penjaja khususnya di sepanjang bulan Ramadan dan perayaan Hari Raya Aidilfitri. Oleh itu, pemantauan dan kutipan akan diberi perhatian khusus di setiap tong sampah berpusat yang dikenal pasti mengikut cawangan operasi.

“Operasi khas kutipan dan bilasan ini akan dijalankan bermula 25 April 2022 sehingga 7 Mei 2022 melibatkan jentera lori kompaktor dan lori open tipper. Selain kutipan tong sampah berpusat, SWM Environment turut memberi tumpuan kepada operasi berjadual kutipan sisa pepejal domestik dan sisa pukal; operasi berjadual pasar awam serta pembersihan pusat bandar, pantai dan tempat awam,” katanya.

Tambah beliau, SWM Environment juga telah mempersiapkan sejumlah 946 anggota kerja dan 197 jentera masing-masing bagi perkhidmatan kutipan sisa pepejal dan pembersihan awam yang akan berjalan seperti biasa sepanjang dua hari cuti umum Hari Raya Aidilfitri pada 3 dan 4 Mei ini. Janaan sisa pepejal dijangka meningkat sepanjang musim perayaan ini berikutan negara telah memasuki Fasa Peralihan Ke Endemik dan ramai yang pulang ke kampung untuk berhari raya. Oleh itu, kerjasama dan kesedaran orang ramai untuk mengamalkan kaedah pelupusan sampah yang betul sangat penting bagi mengekalkan kebersihan persekitaran.

Sempena musim perayaan ini penduduk turut disaran memanfaatkan perkhidmatan kutipan +1 seminggu sekali bagi pelupusan sisa pukal, sisa kebun dan barangan kitar semula bagi mengelakkan longgokan sampah terutama di kawasan perumahan.

Orang ramai yang mempunyai sebarang pertanyaan berhubung perkhidmatan kutipan sampah dan pembersihan awam sepanjang tempoh sambutan perayaan Hari Raya Aidilfitri ini boleh menghubungi Talian Indahkan Malaysia 1-800-88-7472 dan Talian WhatsApp SWM Environment di 012-618 0082.

-TAMAT-

MENGENAI SWM ENVIRONMENT SDN. BHD.

SWM Environment Sdn. Bhd. (SWM Environment) adalah syarikat konsesi yang menyediakan perkhidmatan pengurusan sisa pepejal dan pembersihan awam di negeri Johor, Melaka dan Negeri Sembilan sejak tahun 1995, melalui perjanjian konsesi yang dikawal di bawah Akta Pengurusan Sisa Pepejal dan Pembersihan Awam Negara (Akta 672).

Sebagai syarikat konsesi terbesar di Malaysia, SWM Environment, melalui tenaga kerja yang seramai 12,000 orang, berkhidmat kepada 27 pihak berkuasa tempatan, 1.5 juta premis kediaman dan komersial dengan lebih daripada 5.1 juta orang bagi liputan geografi 28,500 kilometer persegi. Untuk maklumat korporat yang lebih lanjut, sila layari laman web: www.swmenvironment.com.

Dalam usaha mengurangkan sisa janaan ke tapak pelupusan sampah, SWM Environment secara giat mempromosikan program-program alam sekitar yang berimpak tinggi seperti Pengasingan Sisa Pepejal Di Punca (SAS), kitar semula dan pengkomposan sisa makanan demi meningkatkan kesedaran awam di kalangan masyarakat umum.

MENGENAI KITARECYCLE

Pada 2018, SWM Environment telah memperkenalkan KITARecycle, program kitar semula berganjaran di tiga negeri wilayah Selatan Semenanjung Malaysia iaitu Negeri Sembilan, Melaka dan Johor. Program KITARecycle bertujuan untuk menggalakkan orang ramai melaksanakan aktiviti kitar semula dan berpeluang mengumpul mata ganjaran (Recycling Point = RP) yang boleh ditebus kepada wang tunai melalui perbankan dalam talian. Program KITARecycle menerima lebih 25 jenis barangan yang boleh dikitar semula seperti kertas, tin aluminium, plastik, sisa elektrik dan elektronik. Orang ramai boleh memuat turun aplikasi KITARecycle melalui Apple App Store dan Google Play Store. Sila layari laman web: www.kitarecycle.com untuk mendapatkan maklumat lanjut.

Untuk keterangan lanjut, sila hubungi:

Puan Noor Che Wah Binti Ramli

Eksekutif Kanan

Jabatan Komunikasi Korporat & Hal Ehwal Kerajaan

SWM Environment Sdn. Bhd. (Pejabat Wilayah Melaka)

Tel : 06 – 3350191 / 012 – 385 1436

E-mel : wah.ramli@swmsb.com